


**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
YBRS. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**

UCAPAN PERASMIAN NAIB CANSELOR SYARAHAN PERDANA



"DEVELOPMENT OF FUZZY LOGIC CONTROLLER FOR PM

SYNCHRONOUS MOTOR DRIVE"

اونیورسیتی یانگکوڠ ملاڪ

UNIVERSITI TEKNOLOGI MELAKA


25 Oktober 2024 (Jumaat)

Dewan Auditorium, Canselor

Terima kasih pengacara majlis
Bismilahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti dilampirkan

- 
1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama menghadiri **Majlis Syarahan Perdana Profesor bagi Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**. Sesungguhnya, majlis syarahan perdana yang dianjurkan ini bukan sahaja untuk mengiktiraf pencapaian kecemerlangan dan kesarjanaan warga akademia di UTeM, bahkan sebagai satu platform

untuk kita mendengar hujahan ilmu daripada pakar dan berkongsi pendapat selaras dengan usaha berterusan pihak universiti dalam meningkatkan pencapaian budaya intelektual di UTeM.



Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

2. Syarahan Perdana merupakan sebuah **program rasmi** universiti bagi **memasyhur** dan **menonjolkan** **kesarjanaan ahli akademik yang telah dilantik sebagai** **seorang Profesor** di UTeM. Ia bertujuan untuk menyebarluaskan ilmu pengetahuan, berkongsi kepakaran

serta hasil inovasi yang diperoleh seorang Profesor kepada masyarakat serta mempamerkan ketokohan akademiknya. Malah ia merupakan salah satu acara rasmi di universiti setelah seseorang ahli akademik mendapat kenaikan pangkat ke jawatan Profesor.

- 
3. Universiti Teknikal Malaysia Melaka kini sedang mengorak langkah pantas dalam merealisasikan visi dan misi penubuhannya. Seiring dengan perjalanan intelektual seorang profesor, pihak Universiti sentiasa menggalakkan warga akademia UTeM untuk berusaha menjadi seorang

sarjana yang berpengaruh dalam bidang kepakaran masing-masing. **Sumbangan ahli cendiakawan di UTeM perlulah memperkayakan khazanah ilmu, dan mewariskan impak signifikan yang memberi manfaat kepada semua pemegang taruh khususnya masyarakat.**


4. Justeru, Program Syarahan Perdana merupakan tradisi keilmuan bagi mengupas pelbagai bidang, isu semasa dan penerokaan teknologi masa hadapan serta cadangan penyelesaian melalui perspektif bidang ilmu Profesor berkenaan.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

5. Peranan seorang profesor seharusnya melangkaui sempadan bilik kuliah, juga merentasi bidang penyelidikan dan inovasi kearah menghasilkan pemimpin masa hadapan yang holistik. Ia adalah peranan yang memerlukan dedikasi yang tinggi, semangat tidak mengalah, dan komitmen yang tidak berbelah bagi terhadap kemajuan ilmu.

6. Bukan itu sahaja, seorang profesor adalah bertanggungjawab terhadap kesinambungan ilmu yang

diperoleh supaya tidak terhenti di satu sempadan. Di sini, saya ingin menyeru kepada semua profesor untuk sentiasa **berkomunikasi dan berkongsi idea-idea dengan pensyarah-pensyarah lain** dan berusaha untuk **melahirkan perintis profesor pada masa akan datang.**

- 
7. Seperti yang kita sedia maklum, kesarjanaan sesebuah universiti juga adalah bergantung kepada kualiti dan kuantiti profesor yang diperoleh universiti tersebut. Semoga usaha bersama yang dicurahkan oleh profesor-profesor senior dalam **melahirkan profesor-profesor baharu** akan dapat

mencambahkan lagi keilmuan di UTeM seterusnya meletakkan UTeM di persada antarabangsa.

8. Hari ini, kita berpeluang untuk berkumpul bukan sahaja untuk mengiktiraf pencapaian profesor kita yang diraikan, malah bersama untuk menyelami cabang ilmu dan kesarjanaan beliau yang telah sedikit sebanyak mencorakkan landskap kecemerlangan akademik di universiti ini. Semoga sesi pada pagi ini akan dapat memberi manfaat kepada semua warga universiti secara keseluruhannya.


Warga UTeM dan para hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Sementara kita mendengar syarahan perdana professor yang bakal disampaikan oleh Profesor Zulkifilie sebentar nanti, mari kita sama-sama **renungkan impak yang mendalam, apakah sumbangan kita sebagai seorang individu dalam mencorakkan kanvas akademik dan kesarjanaan di UTeM**. Sebagai Naib Canselor UTeM, saya amat menggalakkan semua untuk terlibat secara aktif dalam perkongsian ilmu, kerana melalui pertukaran idea, kita dapat sama-sama memupuk persekitaran pembelajaran yang berterusan.

10. Sekali lagi, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada Profesor Zulkifilie dan harapan saya kepada beliau, agar dapat terus berusaha membawa universiti ke peringkat kejayaan yang tertinggi.

11. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih serta tahniah dan syabas juga kepada warga **Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik dan pihak CAES** serta barisan ahli jawatankuasa, atas segala

komitmen dan usaha demi memastikan penganjuran program ini berjalan dengan lancar

- 
12. Tanpa melengahkan masa, dengan lafaz Bismillah, dan dengan rasa penuh kesyukuran, saya merasmikan **Majlis Syarahan Perdana Profesor bagi Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim.**

Sekian.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.